

Persatuan Alumni MPP UiTM Malaysia (PIMPIN)
No 14, Jalan Desa Serdang 15,
Taman Desa Serdang,
44500 Serdang Selangor

Tarikh : 21 November 2011

Kepada:
Semua Alumni/Bekas MPP UiTM se-Malaysia

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Y Bhg Dato', Datin, Puan, Encik & Cik.

NOTIS PANGGILAN MESYUARAT AGONG TAHUNAN PERSATUAN ALUMNI MPP UiTM MALAYSIA (PIMPIN) KALI PERTAMA

Merujuk kepada perkara di atas adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agong Tahunan PIMPIN akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh : 4 November 2011 (Jumaat)
Masa : 8.00 malam
Tempat : Dewan Annexe, UiTM Shah Alam


Kaunter pendaftaran ahli persatuan akan dibuka sebelum Mesyuarat Agong Tahunan dimulakan. **Sila bawa bersama RM30 untuk bayaran pendaftaran ahli seumur hidup** Persatuan Alumni Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi MARA Malaysia (PIMPIN). Hanya ahli yang telah mengisi borang dengan lengkap dan membayar yuran ahli seumur hidup sahaja dibenarkan untuk mengundi, mencalon, dan dicalonkan semasa Mesyuarat Agong Tahunan PIMPIN. Tentatif program adalah seperti yang dilampirkan.

Diharap semua alumni/bekas Majlis Perwakilan Pelajar seluruh sistem UiTM dapat menghadirkan diri demi menyokong persatuan yang telah berjaya didaftarkan dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (Registrar of Societies).

Selamat bersidang.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



NURAIN BINTI KHAIRI
Setiausaha Agung Penaja
Persatuan Alumni MPP UiTM Malaysia (PIMPIN)